



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO	MUKA SURAT	:	21
TARIKH	:	21/10/2019			
JABATAN	:	JPS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



KEADAAN jalan yang mendap di Flat PKNS Jalan Tun Razak, Kampung Baru.



NUR Hisham (kanan) bersama penduduk meninjau tanah mendap dan banjir.

Selamat atau tidak?

DBKL panggil Ikram bagi memastikan keselamatan flat PKNS



NUR Hisham (dua dari kanan) berbincang dengan penduduk mengenai masalah mendapan tanah.

Oleh Faliq Lajim
faliq.lajim@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dijangka memanggil Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram) bagi memutuskan tahap keselamatan Flat Perbadanan Kemanusiaan Negeri Selangor (PKNS) Jalan Tun Razak, Kampung Baru, di sini.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nur Hisham A Dahlan berkata, dalam pertemuan penduduk semalam, mereka meluahkan rasa bimbang berikutan wujud keretakan di beberapa unit flat.

Menurutnya, penduduk mendakwa keretakan itu berpunca daripada banjir, baru-baru ini.

“Esok (hari ini) kita akan panggil Ikram. Memang bangunan nampak macam okay, tapi kita pastikan ia benar-benar selamat demi keselamatan penduduk.”

“Selain itu, DBKL akan melakukan kerja pembaikan di jalan raya yang merekah sehingga berlakunya mendapan dan juga berlubang bermula esok (hari ini),” katanya kepada pemberita ketika membuat lawatan di flat berkenaan, semalam.

Nur Hisham berkata, terdapat kemungkinan banjir yang berlaku itu berpunca daripada projek menambah baik dan pembesaran rancangan tebatan banjir bersebelahan dengan flat berkenaan.

“Bagi menyelesaikan masalah banjir pula, kita meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) meletakkan pam sementara yang lebih besar di kawasan itu,” katanya.

Dalam pada itu, setiausaha flat berkenaan, Zamzuri Mohamad, 52, berharap projek tebatan banjir itu siap secepat mungkin sebagai penyelesaian jangka panjang.

“Apabila hujan, semua penduduk di sini yang tinggal di tingkat bawah cemas. Rumah pam sedia ada tidak dapat menampung jumlah air yang banyak.”

“Buat sementara, penambahan pam adalah langkah yang paling baik untuk menyelesaikan masalah ini dah kita harap ia dilakukan secepat mungkin memandangkan musim hujan ketika ini,” katanya.

Sementara itu, penduduk, Noraziah Abdul Manan, 55, lega apabila mendengar penyelesaian oleh DBKL bersama agensi kerajaan yang lain itu.

“Selepas banjir pada 1 Oktober lalu rumah saya mula retak. Pada mulanya, ia hanya sekadar retakan kecil, namun ia semakin besar selepas banjir pada Khamis lalu.”

“Disebabkan banjir itu juga, jalan di hadapan rumah kami mendap sehingga berlubang. Malah, cucu saya berusia tiga tahun pernah terjatuh dalam lubang berkenaan,” katanya yang sudah tinggal di flat berkenaan sejak 48 tahun lalu.

DBKL akan minta JPS letak pam sementara